

10 OCT 1998

Pemuda-Sepanduk

PEMUDA BN AKAN PAMERKAN SEPANDUK TERBESAR DI DUNIA

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) akan mempamerkan sepanduk berukuran 45 meter x 30 meter yang dipercayai terbesar di dunia pada majlis makan malam Pemuda BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini 24 Okt ini.

Setiausaha Pemuda BN Zulkifli Alwi berkata Pemuda BN Selangor sedang dalam proses menyiapkan sepanduk itu yang mengandungi kata-kata sokongan kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kata-kata semangat cintakan negara.

Beliau berkata Pemuda BN akan memohon daripada pihak berkenaan agar sepanduk itu dicatatkan dalam Guinness Book of World Records sebagai sepanduk terbesar di dunia.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat setiausaha-setiausaha Pemuda parti komponen BN di pejabat Pemuda UMNO di sini, beliau berkata pada majlis itu juga semua pernyataan cintakan negara yang dihantar kepada Pemuda BN menerusi kempen Sokongan kepada Malaysia akan dikumpul sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri.

Zulkifli berkata orang ramai masih boleh menghantar pernyataan itu sebelum 24 Okt ini dengan menghantar surat atau telegram kepada sekretariat Kempen Sokongan Kepada Malaysia, Pejabat Pergerakan Pemuda Barisan Nasional, Aras 37, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 50480 Kuala Lumpur, atau faks 03-4442199 dan e-mel: umnoyouth@tm.net.my.

Mengenai jamuan malam itu, Zulkifli berkata ia bukanlah alternatif kepada Perhimpunan Perdana yang dibatalkan tetapi sebagai menghargai penat lelah semua pihak yang telah merancang perhimpunan itu.

Katanya semua pihak telah bekerja keras bagi menjayakan perhimpunan itu dan pembatalannya sedikitpun tidak mematahkan semangat Pemuda BN bagi menyuarakan sokongan kepada parti dan kerajaan.

Beliau berkata rakyat Malaysia tidak boleh berpeluk tubuh melihat gelagat kelompok tertentu yang memburuk-burukkan kerajaan dan cuba menumbangkan kerajaan yang dipilih secara demokratik dengan cara yang tidak demokratik dan melampaui batasan undang-undang seperti berdemonstrasi dan merusuh.

Katanya Pemuda BN juga akan menentang sebarang cubaan pihak asing sama ada kerajaan, pemimpin maupun media yang mencampuri hal ehwal negara ini.

-- BERNAMA

AKT AKD